

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Masa: [3 jam]

---

Jawab Soalan 1 dan TIGA (3) soalan lain.

Soalan Wajib

1. (a) Berikan definisi yang lengkap bagi periklanan. (5 markah)
- (b) Apakah fungsi-fungsi sosial, komunikasi, dan pendidikan yang dimiliki oleh periklanan? (15 markah)
- (c) Berpandukan kepada penemuan analisis yang anda laksanakan bagi tugas yang bertajuk "Pemaparan Unsur-Unsur Perhubungan Ras di dalam Iklan-Iklan Televisyen di Malaysia," kaitkan fungsi-fungsi tersebut (sosial, komunikasi, dan pendidikan) dengan tanggungjawab sosial yang seharusnya dipikul oleh periklanan di dalam konteks masyarakat Malaysia. (20 markah)

Pilih TIGA (3) dari soalan-soalan berikut:

2. Bincangkan kesan-kesan komunikasi massa terhadap manusia. Jelas kesan-kesan tersebut dari sudut-sudut berikut:
  - (a) kesan-kesan terhadap individu; dan
  - (b) kesan-kesan terhadap budaya.(20 markah)
3. Apakah yang dimaksudkan sebagai "Penaklukan Budaya" oleh media massa? Berpandukan kepada esei Awang Rosli Awang Jaya yang bertajuk "Media Import Ancam Budaya Kita," (Dewan Budaya, Februari 1991) jelaskan konsep penaklukan budaya di dalam konteks Malaysia. (20 markah)

4. Jelaskan perbezaan di antara "kawalan politik" dan "kawalan ekonomi" terhadap media massa. Apakah kesan-kesan langsung dan tidak langsung kawalan-kawalan tersebut terhadap media massa di Malaysia?

(20 markah)

5. (i) Berdasarkan kefahaman anda tentang proses komunikasi massa, bincangkan sama ada bentuk-bentuk komunikasi berikut boleh dianggap komunikasi massa dan alat-alat berikut sebagai media massa:

- a. perbualan telefon
- b. pameran muzium dan galeri
- c. konsert rock di tapak pesta
- d. perhimpunan di stadium
- e. mesej 'graffiti' di tembok jejambat melintasi lebuhraya yang sibuk.

(8 markah)

- (ii) Baca ruangan pojok "Bila Sauh di Labuh," yang dilampirkan. i) Huraikan fungsi akhbar kepada penulis dengan menggunakan pendekatan kegunaan-kepuasan (uses and gratification model.), (ii) Adakah kategori fungsi yang lain yang tidak dibincangkan oleh penulis? Jika ada, huraikan fungsi-fungsi tersebut (tidak terhad kepada akhbar sahaja) dengan menggunakan contoh-contoh dari pengalaman anda sendiri.

(12 markah)

6. "Pemaparan wanita dalam rancangan-rancangan televisyen di Malaysia adalah bercorak stereotaip." Bincangkan pendirian anda mengenai kenyataan di atas dengan menyatakan contoh-contoh yang khusus.

(20 markah)

# Semua akhbar punyai peranan tersendiri

SEJAK bersara, belanja untuk membaca surat khabar tiap hari bagi saya teruk juga, beratus ringgit tiap bulan. Selain akhbar harian New Straits Times, Berita Harian, Utusan Malaysia, Malay Mail dan Star, saya membaca Harakah, Minggu Kota dan Watan. Ini tidak termasuk majalah bulanan seperti 'Tempo' dan penerbitan lain seperti Rocket dan Aliran.


Ketika bekerja dulu, belanja membaca semua surat khabar, termasuk akhbar-akhbar dari Amerika atau Britain dan penerbitan lain dari luar negara, ditanggung oleh NSTP. Kerana telah bersara, tentulah tak mampu saya berlanggan dengan akhbar sebanyak itu. Sekarang kalau saya hendak membaca akhbar-akhbar luar negara, terpaksa saya 'menumpang' pada anak-anak atau pada teman-teman di NST.

Bagaimanapun untuk membaca akhbar-akhbar harian dan akhbar-akhbar berkala seperti Watan, Harakah dan Minggu Kota, terpaksa saya membayar sendiri. Sebenarnya dengan baik hati 'Watan', saya berlanggan akhbar itu dengan percuma tetapi akhbar itu agak lambat sampai di rumah dan saya terpaksa membelinya sendiri dari wakil penjual akhbar di tempat kediaman saya kerana hendak cepat membacanya.

Agaknya kerana telah diasuh oleh ayah dari sejak sekolah untuk berdampingan dengan akhbar, kemudian kerana bidang saya pula kebetulan persurat-khabaran, maka itulah walau pun telah bersara, saya masih gemar membaca akhbar. Hanya sekarang saya membaca akhbar harian dan tabloid sebagai orang luar, sebagai pemerhati.

Membaca rencana Yahya Ismail dalam Minggu Kota atau rencana Subky Latif dalam 'Harakah' hanya sekadar hendak tahu sahaja atau pun mengikuti hal-hal yang 'pelik-pelik' mengenai pembangkang dalam 'Watan' atau 'Minggu Kota' cuma hendak meluaskan pengetahuan saya mengenai mereka.

Atau, mungkin kerana saya



telah terdidik sebagai wartawan, maka nafsu saya besar untuk mencari jawapan kepada soalan 'apa, bagaimana, siapa, di mana dan bila' kepada tiap sesuatu yang berlaku di sekitar hidup saya. Saya mengerti akhbar-akhbar harian yang established tidak mampu menampung semua berita di tanah air. Saya terpaksa mencari akhbar-akhbar tabloid untuk mengikuti perkembangan Semangat 46 atau Pas.

Kalau saya hendak tahu apa yang diperkatakan oleh Datuk Shahrir Samad, saya terpaksa mencari Watan atau Minggu Kota. Dalam masa pilihanraya kecil di Johor Baharu, di Parit Raja dan di Tambatan umpamanya, saya lebih bergantung kepada Watan dan Minggu Kota untuk mengikuti perkembangan kempen parti-parti yang bertanding dalam pilihanraya kecil itu.

Bagi saya tiap akhbar ada fungsinya, ada peranannya untuk menyambung kepada pengetahuan saya mengenai apa yang berlaku di sekitar hidup kita. Sejelek-jelek akhbar ada gunanya kerana maklumat dan berita atau tulisan yang terkandung di dalamnya.

Dalam perjuangan anti kolonial dahulu, saya 'memusuhi'

Straits Times di Singapura. Tetapi saya tidak pernah memulaukannya. Ketika Aziz Ishak difitnah oleh General Templar sebagai wartawan tikus, saya menulis berpuluh surat membantah Straits Times kerana menyokong pendirian Templar.

Saya juga menulis rencana untuk disiarkan oleh Straits Times tetapi tidak disiarkan. Kemudian saya mengatur rangkaian saya sendiri agar teman-teman ikut mengirimkan surat membantah pendirian Straits Times hingga pengarang Straits Times sendiri mengakui betapa besar sokongan rakyat kepada Aziz Ishak. Saya tidak memilih jalan putus asa mengajak teman-teman agar memulaukan Straits Times.

Demikian juga dalam perjuangan bahasa pada tahun lima puluhan dulu. Kami memilih cara polemik dan berdebat dengan 'musuh-musuh' bahasa kebangsaan. Dan kami menang juga akhirnya. Kalau kita percaya kepada kebebasan berfikir, kita tidak harus mengurungi dan mengongkong fikiran kita dengan hanya membaca apa yang mahu kita baca saja.

Tidakkah menurut Imam Ghazali bahawa kalau kita mahu tahu diri kita sendiri, kita perlu tanya kepada musuh kita?



Berita Harian  
9 Jun 90

M.S. 10